



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS
2019 (COVID-19) DI MALAYSIA
30 MAC 2022**

**PENGGUNAAN KAPASITI KATIL COVID-19 DI HOSPITAL
DAN PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19
BERISIKO RENDAH (PKRC)**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada 29 Mac 2022, **penggunaan fasiliti kesihatan khusus bagi kes COVID-19:**

- **Katil Kes Kritikal atau Unit Rawatan Rapi (ICU): (Tiga) 3 negeri** iaitu WP Putrajaya (67%), Selangor (53%), dan WP Kuala Lumpur (50%) menunjukkan peratusan pengisian \geq **50% (Jadual 1)**;
- **Katil Bukan ICU: Empat (4) negeri** iaitu WP Putrajaya (89%), Selangor (69%), Melaka (54%), dan WP Kuala Lumpur (53%) menunjukkan peratusan pengisian \geq **50% (Jadual 1)**;

- **Katil PKRC: Tiada negeri** yang menunjukkan peratusan pengisian $\geq 50\%$ (**Jadual 1**) dan;
- Pesakit COVID-19 yang memerlukan **alat bantuan pernafasan (ventilator)** menurun kepada **176 pesakit** dengan peratusan **penggunaan ventilator 21%**.

Jadual 1: Penggunaan katil COVID-19 bagi ICU dan bukan ICU di hospital dan PKRC pada 29 Mac 2022

NEGERI	PENGUNAAN KATIL COVID-19								
	KATIL HOSPITAL BUKAN KRITIKAL			KATIL HOSPITAL ICU			PKRC		
	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT COVID & PUI	% PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	PERATUS PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	% PENGGUNAAN
Pertis	165	75	45%	11	4	36%	114	0	0%
Kedah	1,228	327	27%	130	29	22%	666	47	7%
Pulau Pinang	691	219	32%	49	24	49%	800	30	4%
Perak	904	372	41%	55	19	35%	150	15	10%
Selangor	1,612	1,110	69%	86	46	53%	1385	216	16%
WP Kuala Lumpur	731	385	53%	30	15	50%	0	0	0%
WP Putrajaya	83	74	89%	3	2	67%	0	0	0%
Negeri Sembilan	516	180	35%	61	13	21%	224	26	12%
Melaka	283	152	54%	32	9	28%	849	104	12%
Johor	1,616	537	33%	58	22	38%	807	20	2%
Pahang	789	212	27%	81	18	22%	1,106	52	5%
Terengganu	487	203	42%	40	7	18%	641	62	10%
Kelantan	750	219	29%	48	19	40%	842	78	9%
Sabah	1,341	309	23%	118	29	25%	1,593	44	3%
Sarawak	1,000	469	47%	73	26	36%	1095	123	11%
WP Labuan	98	6	6%	7	0	0%	130	0	0%
JUMLAH	12,294	4,849	39%	882	282	32%	10,402	817	8%

Jadual 2: Penggunaan keseluruhan katil termasuk kes COVID-19 dan bukan COVID-19 di hospital awam pada 29 Mac 2022

PENGGUNAAN KATIL KES COVID-19 DAN BUKAN COVID-19 DI HOSPITAL PADA 29.3.2022

NEGERI	PENGGUNAAN KATIL COVID-19 DAN BUKAN COVID-19					
	KATIL HOSPITAL BUKAN KRITIKAL			KATIL HOSPITAL ICU		
	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	% PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	% PENGGUNAAN
Perlis	484	300	62%	19	11	58%
Kedah	2609	1931	74%	146	62	42%
Pulau Pinang	1969	1407	71%	88	56	64%
Perak	5218	3256	62%	102	54	53%
Selangor	5176	3510	68%	192	126	66%
WP Kuala Lumpur	4366	2338	54%	97	72	74%
WP Putrajaya	585	282	48%	20	10	50%
Negeri Sembilan	1807	1009	56%	97	48	49%
Melaka	1223	932	76%	92	48	52%
Johor	5193	3540	68%	114	73	64%
Pahang	1872	1169	62%	120	53	44%
Terengganu	1548	1179	76%	61	28	46%
Kelantan	2796	1762	63%	158	108	68%
Sabah	4170	2311	55%	150	86	57%
Sarawak	3717	2286	62%	142	74	52%
WP Labuan	201	59	29%	12	3	25%
JUMLAH	42,934	27,271	64%	1,610	912	57%

Terdapat perbezaan antara **Jadual 1** dan **Jadual 2** di mana data kapasiti dan penggunaan di **Jadual 2** adalah juga termasuk untuk kes COVID-19 dan kes bukan COVID-19.

Jadual 3: Bilangan kemasukan pesakit harian COVID-19 ke hospital awam mengikut kategori dan negeri pada 29 Mac 2022

BILANGAN KEMASUKAN PESAKIT HARIAN COVID-19 KE HOSPITAL AWAM MENGIKUT KATEGORI & NEGERI PADA 29.3.2022


NEGERI	NUMBER OF HOSPITAL BEDS FOR COVID-19	CAT 1	CAT 2	CAT 3	CAT 4	CAT 5	TOTAL DAILY COVID-19 PATIENT ADMITTED	TOTAL DAILY COVID-19 PATIENT DISCHARGED
Perlis	165	2	6	1	4	1	14	14
Kedah	1,228	4	33	7	23	0	67	50
Penang	691	2	32	8	11	1	54	41
Perak	904	6	51	9	20	4	90	74
Selangor	1,612	17	79	36	30	5	167	196
WP Kuala Lumpur	731	11	46	6	12	0	75	69
WP Putrajaya	83	7	7	2	5	0	21	14
Negeri Sembilan	516	3	33	2	16	0	54	50
Melaka	283	5	21	5	5	0	36	29
Johor	1,616	8	50	14	22	2	96	105
Pahang	789	6	23	10	4	0	43	59
Terengganu	487	4	18	3	16	1	42	42
Kelantan	750	5	14	6	14	2	41	68
Sabah	1,341	7	9	2	3	3	24	40
Sarawak	1,000	13	36	6	23	4	82	98
WP Labuan	98	0	0	0	0	0	0	1
JUMLAH	12,294	100	458	117	208	23	906	950

KKM ingin menjelaskan bahawa terdapat **perbezaan di antara data harian kemasukan kes COVID-19 ke hospital (Jadual 3)** berbanding kes COVID-19 kategori 1 hingga 5 yang baharu didiagnosa pada setiap hari. Ini memandangkan **keadaan klinikal pesakit yang dinamik** dan mungkin merosot atau bertambah baik sepanjang dijangkiti COVID-19.

Pada masa yang sama, terdapat juga kes-kes COVID-19 berisiko tinggi dari kategori 1 dan 2 yang memerlukan kemasukan ke PKRC dan hospital sebagai langkah berjaga-jaga.

Pada 29 Mac 2022, sebanyak **906 kes** COVID-19 dimasukkan ke hospital dengan kategori berikut (**Rajah 1**):

- **348 kes (38.4 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **558 kes (61.6 peratus)** adalah kategori 1 dan 2.



Rajah 1: Bilangan kemasukan pesakit harian COVID-19 berdasarkan kategori ke hospital

Selain itu, KKM ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia pada 29 Mac 2022:

- Kes sembuh: **24,154 kes** [3,920,643 kes kumulatif (94.1%)];
- Kes baharu: **15,215 kes** (4,167,418 kes kumulatif);
- Kes import: **250 kes** [227 warganegara (90.8%); 23 bukan warganegara (9.2%)];
- Kes tempatan: **14,965 kes** [14,339 warganegara (95.8%); 626 bukan warganegara (4.2%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **282 kes** (130 kes disahkan COVID-19; 152 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan); dan
- Kes memerlukan bantuan pernafasan: **176 kes** (80 kes disahkan COVID-19; 96 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan).

PERINCIAN KATEGORI KES COVID-19

Daripada **15,215 kes** harian yang dilaporkan pada 29 Mac 2022:

- Kategori 1: 7,446 kes (48.94%);
- Kategori 2: 7,635 kes (50.18%);
- Kategori 3: 60 kes (0.39%);
- Kategori 4: 26 kes (0.17%); dan
- Kategori 5: 48 kes (0.32%).

Daripada **134 kes** COVID-19 kategori 3, 4, dan 5 yang baharu dilaporkan pada 29 Mac 2022:

- 48 kes (35.82%) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi;
- 50 kes (37.31%) telah menerima dua (2) dos vaksin COVID-19 tetapi belum menerima dos penggalak (*booster*);
- 36 kes (26.87%) telah menerima dos penggalak (*booster*);
- 69 kes (51.49%) berumur 60 tahun dan ke atas
- 71 kes (52.99%) mempunyai komorbid; dan
- 2 kes (1.49%) kes adalah kes ibu mengandung.

KLUSTER COVID-19

- Jumlah kluster: **6,931 kluster**;
- Jumlah kluster baharu: **2**;
- Jumlah kluster yang telah tamat: **6,717 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif: **214 kluster**.

NILAI R_T

Perincian nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 4**. Maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

Jadual 4: Nilai R_T mengikut negeri berdasarkan kes yang dilaporkan pada 29 Mac 2022

NEGERI	NILAI R_T
Selangor	1.05
WP Kuala Lumpur	0.91
Perak	0.92
Melaka	0.90
Sarawak	0.88
Negeri Sembilan	0.85
Pulau Pinang	0.83
WP Putrajaya	0.81
Pahang	0.81
WP Labuan	0.81
Johor	0.78
Perlis	0.78
Terengganu	0.78
Kedah	0.74
Kelantan	0.69
Sabah	0.66
MALAYSIA	0.89

MALAYSIAN COMMUNITY HEALTH AGENT MyCHAMPION)

KKM telah memperkenalkan Agenda Nasional Malaysia Sihat atau ANMS yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 November 2021.

ANMS bertujuan menjadikan rakyat Malaysia sihat sejahtera dengan menumpukan kepada empat (4) keberhasilan tingkah laku iaitu:

- (a) Pembudayaan hidup sihat;
- (b) Amalan norma baharu sebagai kebiasaan hidup dan pematuhan prosedur operasi standard (SOP);
- (c) Penjagaan kebersihan persekitaran; dan
- (d) Pengambilan vaksin COVID-19 serta dos penggalak.

Salah satu komponen penting di bawah ANMS merupakan program pembangunan keupayaan ***Malaysian Community Health Agent*** atau **MyCHAMPION** yang akan diperkukuhkan bagi memastikan kesihatan Keluarga Malaysia dapat dipertingkatkan terutamanya dalam usaha pendidikan dan promosi kesejahteraan kesihatan. Ini merupakan **evolusi** kepada program-program pemerksaan masyarakat yang KKM jalan sebelum ini. Lima (5) intipati penting yang menjadi perhatian Menteri Kesihatan adalah:

- (a) Mendidik masyarakat dalam pembudayaan hidup sihat iaitu makan secara sihat dengan kurangkan gula,

kurangkan garam, jangan makan berlebihan, dan minum lebih air kosong serta menggalakkan komuniti aktif melakukan aktiviti fizikal;

- (b) Menggalakkan komuniti berumur 40 tahun dan ke atas yang belum membuat saringan kesihatan untuk menjalani saringan;
- (c) Menggalakkan promosi kesihatan mental melalui *Let's Talk* dan *Take 5*;
- (d) Berani menegur secara berhemah dalam menyokong kempen anti merokok melalui *SpeakOut*, dan
- (e) Menggalakkan pengambilan vaksin dan dos penggalak dalam kalangan warga emas dan kanak-kanak.

MyCHAMPION merupakan satu wadah yang mana **sukarelawan daripada pelbagai kementerian dan organisasi termasuk Badan Bukan Kerajaan (NGO)** yang dihimpunkan secara bersama supaya dapat dilatih dan diperkasa dalam aspek kesihatan merangkumi budaya hidup sihat, amalan norma baharu, kawalan kesihatan sendiri, pengambilan vaksin, dan penjagaan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan.

MyCHAMPION juga mempunyai peranan dalam penyampaian mesej-mesej secara bersemuka di peringkat akar umbi untuk

memastikan anggota komuniti peka dan boleh bertindak secara sendiri dalam menjaga kesihatan diri, keluarga, dan masyarakat.

Bersandarkan pendekatan kesihatan dijadikan keutamaan dalam semua rancangan pembangunan kerajaan atau agensi (*Health in All Policy*) melalui pendekatan *Whole of Nation* yang menjadi prinsip asas ANMS; MYCHAMPION yang terdiri daripada ejen dan sukarelawan komuniti daripada pelbagai kementerian, organisasi swasta, dan NGO berperanan bukan sahaja menyokong pelaksanaan ANMS tetapi memainkan peranan secara proaktif sebagai jurucakap dan pemudah cara di peringkat komuniti. **Tenaga 3.9 juta warga MyCHAMPION boleh digerakkan ke arah mencapai aspirasi murni untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang sihat sejahtera.**

Dalam konteks ini kerangka pelaksanaan MyCHAMPION mengambil kira pengalaman ketika negara berdepan situasi pandemik pada tahun 2020 dan 2021 iaitu keperluan untuk memobilisasikan tenaga ejen komuniti sedia ada di lapangan dalam kalangan komuniti untuk menyokong usaha menangani krisis pandemik COVID-19. Bertitik tolak daripada usaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang menghimpunkan pelbagai kementerian, agensi, dan NGO yang mencetuskan Agen Basmi COVID-19 atau ABC-19, KKM menyedari bahawa keperluan meletakkan satu wawasan yang lebih holistik dan menjangkau jauh melepasi

pandemik COVID-19 dengan menetapkan MyCHAMPION sebagai inisiatif jangka panjang. Ini bersesuaian dengan **pelaksanaan ANMS yang dirangka untuk tempoh 10 tahun** dengan menggunakan sumber-sumber sedia ada secara strategik dan bersepadu.

Kerajaan telah memperkenalkan saringan faktor risiko kesihatan untuk golongan B40 di bawah Skim Peduli Sihat Kumpulan B40 atau PeKa B40. Skim ini merupakan langkah keprihatinan Kerajaan dalam meningkatkan lagi kualiti hidup golongan berpendapatan rendah dengan fokus terhadap penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti kencing manis, darah tinggi, kolestrol tinggi, kesihatan mental, dan kanser. Bagi tujuan ini, kerajaan akan melaksanakan Bulan Saringan Kesihatan Kebangsaan yang akan dilaksanakan bersama-sama dengan Jelajah ANMS. Adalah diharapkan MyCHAMPION akan membantu dalam menyampaikan maklumat yang sangat berguna ini dan menyokong usaha-usaha agar saringan faktor risiko kesihatan PeKa B40 ini dapat diperluaskan ke segenap ceruk dan pelosok negara.

MyCHAMPION juga diperkasakan untuk memainkan fungsi di peringkat lapangan dalam memberikan nasihat, peringatan, teguran, dan panduan bagi memastikan komuniti terus patuh kepada tindakan pencegahan dan kawalan COVID-19 termasuklah juga mempromosi kepentingan pengambilan dos

penggalak terutamanya kepada warga emas dan vaksin COVID-19 kepada kanak-kanak di bawah PICKids. Ini bersesuaian dengan konsep **masyarakat yang cakna kesihatan dan mahukan masyarakat sekeliling mereka turut sihat demi kepentingan bersama.**

Mulai 1 April 2022, kerajaan telah mengumumkan bahawa sempadan antarabangsa juga akan dibuka selain perjalanan merentas negeri tanpa sekatan dibenarkan selaras dengan fasa peralihan ke endemik. Pada masa yang sama juga, kita akan menyambut kedatangan bulan Ramadan seterusnya meraikan Hari Raya Aidilfitri. Perkara ini memerlukan komitmen MyCHAMPION dalam memastikan rakyat dididik secara berterusan dengan amalan norma baharu dan mematuhi SOP.

Sehubungan itu, MyCHAMPION perlu terus mematuhi amalan norma baharu dan memberikan peringatan kepada anggota komuniti untuk mengamalkan TRIIS:

- (a) *Test* (Uji) – Lakukan ujian pengesanan sendiri sekiranya bergejala;
- (b) *Report* (Lapor) – Laporkan keputusan ujian pengesanan sendiri sama ada positif, negatif atau tidak sah dalam aplikasi MySejahtera;
- (c) *Isolate* (Asing) – Lakukan pengasingan diri jika positif COVID-19 dan patuh Perintah Pengawasan dan

Pemerhatian di Rumah (*Home Surveillance Order* – HSO) serta tata cara isolasi sendiri;

- (d) *Inform* (Maklum) – Maklumkan kepada kontak rapat dan laporkan kepada pihak berkuasa melalui MySejahtera; dan
- (e) *Seek* (Dapatkan Rawatan) – Dapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan atau Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) yang berhampiran jika gejala bertambah teruk.

KKM juga bekerjasama dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk melaksanakan Kempen *Champion Against COVID-19* atau Juara Menentang COVID-19 menjelang bulan April ini. Kempen ini merupakan satu pendekatan baharu untuk memberi peluang kepada MyCHAMPION untuk mendidik individu, ahli keluarga, rakan, dan komuniti di jaringan sosial secara dalam talian dengan menyebarkan maklumat kesihatan yang sangat relevan pada fasa peralihan ke endemik.

Semoga segala usaha yang dijalankan oleh MyCHAMPION daripada pelbagai kementerian, agensi, organisasi swasta, dan NGO akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara sihat dan sejahtera.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang sesak, sempit, dan sembang dengan jarak yang dekat);
- **Amalkan 3W:** (Amalkan *Wash, Wear, and Warn*); Sentiasa memakai **pelitup muka** di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan;
- **Amalkan TRIIS** (*Trace, Report, Isolate, Inform, and Seek*) sebelum menghadiri aktiviti sosial atau sekiranya bergejala;
- Jalani segera ujian COVID-19 sekiranya **bergejala**;
- Individu **positif COVID-19 Kategori 1 dan 2A dan bukan berisiko tinggi (berumur bawah 60 tahun dan tidak mempunyai komorbid), tidak perlu hadir ke COVID-19 Assessment Centre (CAC)**, sebaliknya hanya perlu melakukan pemantauan sendiri melalui HAT dalam aplikasi MySejahtera. SMS atau panggilan daripada perkhidmatan *Automated Voice Recording (robocall)* akan diterima sekiranya belum atau tidak menjalankan pemantauan sendiri setiap hari;
- Individu yang perlu hadir ke CAC terdekat (senarai penuh lokasi, nombor telefon dan waktu operasi boleh didapati di <https://covid-19.moh.gov.my/hotline>)

untuk penilaian lanjut akan dimaklumkan melalui MySejahtera atau dihubungi CAC melalui SMS atau panggilan telefon;

- Individu yang **positif COVID-19 Kategori 2B dan ke atas (sama ada berisiko tinggi atau tidak)** atau **mempunyai gejala yang semakin teruk**, dikehendaki hadir ke CAC atau hospital terdekat bagi pemeriksaan lanjut tanpa menunggu panggilan telefon daripada CAC; dan
- Tempoh isolasi bagi individu **positif COVID-19 yang telah lengkap vaksinasi termasuk yang telah mendapat dos penggalak (*booster*) adalah tujuh (7) hari**, manakala tempoh isolasi bagi **individu positif COVID-19 yang tidak lengkap vaksinasi atau tiada vaksinasi adalah selama 10 hari**. Tempoh isolasi terkini tidak mengambil kira sama ada bergejala atau tidak bergejala.

Individu yang belum menerima vaksin dan tidak pernah dijangkiti COVID-19 adalah kumpulan paling berisiko mendapat jangkitan COVID-19. KKM menasihatkan individu ini agar segera mendaftar dan mendapatkan vaksin COVID-19. Bagi yang telah mendaftar, KKM memohon agar anda hadir ke temu janji tersebut demi melindungi diri dan orang tersayang.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

30 Mac 2022 @ 10.00 pagi

Lampiran 1

Jadual 5: Perbandingan gejala COVID-19 Kategori 2A (ringan) dan 2B (sederhana)

Kategori 2A	Kategori 2B
Sakit tekak atau selesema tanpa demam atau sesak nafas	Demam berpanjangan [dua (2) hari dan lebih] atau demam semula selepas sembuh
Batuk tanpa demam atau sesak nafas	Kesukaran bernafas apabila melakukan aktiviti (<i>exertional dyspnoea</i>)
Hilang deria rasa tetapi masih mempunyai selera makan	Sakit dada
Hilang deria bau	Tidak boleh makan atau minum
Cirit-birit dua (2) kali atau kurang dalam masa 24 jam tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)	Kelesuan bertambah teruk terutamanya semasa melakukan aktiviti harian atau semasa baru bangun daripada tidur
Loya dan muntah tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)	Memerlukan bantuan untuk berjalan
Kelesuan tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian	Gejala seperti batuk, loya, muntah atau cirit-birit semakin teruk atau berterusan
Sakit otot tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian	Perubahan status mental seperti kekeliruan / kurang tahap sedar
	Kurang pengeluaran air kencing dalam masa 24 jam